



Kanak-kanak **mengambil peluang bermain air** di hadapan Surau Seksyen 7, Shah Alam.

[FOTO SHAZREEN ZAMZURI/BH]

Kolam tadahan cetek punca banjir kilat

Shah Alam: Hujan lebat berte-rusan beberapa jam menyebabkan beberapa kawasan rendah di Pusat Komersial Seksyen 7 di sini, dilanda banjir kilat pagi semalam.

Hujan yang bermula kira-kira jam 1 pagi itu berlarutan sehingga jam 7 pagi, menyebabkan kawasan letak kereta dan sekitar surau di situ, digenangi air sedalam satu meter, selain beberapa buah kereta mengalami kerosakan.

Pengerusi Persatuan Penduduk Pusat Komersial Seksyen 7, Shaharuddin Lin, berkata sudah dua kali kawasan berkenaan dilanda

banjir kilat pada tahun ini.

Tidak pernah selesai

“Saya tidak menyalahkan mana-mana pihak namun kejadian banjir di kawasan ini seolah-olah tidak pernah selesai dan sebagai penduduk, kami juga sudah penat menunggu penyudahan kepada masalah ini.

“Ini kali kedua banjir untuk tahun ini dan lebih teruk berbanding banjir pada Januari lalu,” katanya ketika ditemui di Pusat Komersial Seksyen 7, di sini, semalam.

Katanya, banyak kenderaan tersadai dan tidak dialihkan ke-

rana penghuni mungkin tidak menyedari hujan lebat memandangkan hujan bermula kira-kira jam 1 pagi.

Buat benteng

Penduduk, Mohd Razib Mustafa, berkata punca banjir dipercayai ekor kolam tadahan air di belakang surau As-Siddiq di kawasan itu tidak mampu menampung jumlah air yang banyak.

“Kolam berkenaan mungkin perlu didalamkan lagi agar dapat menampung air hujan yang banyak setiap kali hujan lebat melanda kawasan ini,” katanya.